

04/09/1997

Selangor kaji benarkan KDEB ke bursa saham

SHAH ALAM, Rabu - Kerajaan Selangor akan mengkaji untuk membenarkan anak syarikatnya, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) memasuki Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) secara aktif bagi membantu memulihkan pasaran saham.

Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar berkata, cadangan itu akan dibawa ke mesyuarat lembaga pengarah KDEB untuk dibincangkan tidak lama lagi.

"Kita akan membincangkan bagaimana KDEB boleh memasuki BSKL secara aktif bagi membantu memulihkan pasaran saham.

"Kita akan buat kajian terperinci sebelum langkah itu diambil," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan negeri berhasrat membenarkan anak syarikatnya, terutama KDEB yang mempunyai dana memasuki BSKL secara aktif bagi membantu memulihkan pasaran saham seperti diarah kerajaan, Khamis lalu.

Abu Hassan berkata, pada peringkat awal, beliau sudah mengarahkan semua agensi kerajaan negeri membeli unit Amanah Saham Selangor (Asas) dalam usaha memulihkan pasaran saham berkenaan.

"Usaha itu antara kempen menabung yang dijalankan di kalangan agensi kerajaan negeri yang dijangka dapat membantu memulihkan kejatuhan ringgit dan memulihkan pasaran saham," katanya.

Khamis lalu, kerajaan mengarah institusi dana tempatan memasuki BSKL secara aktif selepas Jawatankuasa BSKL mengenakan sekatan sekuriti bertanda ke atas 100 kaunter bagi mengekang manipulasi penjualan tanpa pemilihan saham.

Mengumumkan beberapa langkah terbaru termasuk mengarahkan bank tempatan menghentikan jaminan pinjaman sekuriti kepada spekulator, Dr Mahathir menjelaskan, ia bertujuan menyekat dana asing daripada terus menyerang dan memanipulasi harga saham di BSKL.

Perdana Menteri berkata, langkah terbaru itu berikutan ada bukti institusi asing termasuk yang diuruskan oleh George Soros, mula mengalih tumpuan serangan mereka daripada pasaran mata wang kepada manipulasi pasaran ekuiti.

(END)